



BULETIN



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Majlis Bandaraya Pasir Gudang

EDISI 2023 | 1445H



MBPG terima pengiktirafan pensijilan EKSA



SIJIL EKSA MBPG

SIJIL EKSA KROMIUM

SIJIL EKSA TALIIUM

SIJIL EKSA PALADIUM

SIJIL EKSA FERUM

Kandungan

- MS 03 Pengenalan EKSA
- MS 04 Pencapaian EKSA
- MS 05 Logo EKSA
- MS 06 Dasar dan Objektif EKSA / Carta Organisasi Induk EKSA
- MS 07 Carta Organisasi Zon EKSA
- MS 08 Senarai Zon EKSA mengikut Jabatan/lokasi Zon
Aktiviti EKSA
- MS 09 - Pelancaran Logo EKSA
- MS 10 - Taklimat Kesedaran EKSA
- MS 11 - Kempen Penjimatan Tenaga
- Aktiviti Penyeragaman EKSA Semua Zon
- MS 12 - Lawatan EKSA MBPG Ke Majlis Agama Islam Melaka (MAIM)
- MS 13 - Gotong Royong Perdana - EKSA
- MS 15 - Majlis Penyampaian Sijil EKSA
Aktiviti-aktiviti ABMS
- MS 16 - Majlis Penyampaian Sijil ABMS MBPG
- MS 17 - Pengenalan Sistem Pelan Anti Rasuah ABMS
- Pembangunan Polisi dan Garis Panduan
- MS 18 - Senarai Polisi MBPG
- MS 19 - Fasa Bimbingan Pelaksanaan Sistem Anti Rasuah MBPG
- MS 20 - Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR)
- MS 21 - Ceramah Setapak Penentu Kehidupan : Bahana Dadah
Barah dalam organisasi dan Pameran Anti dadah bersama
AADK
- Majlis Pelancaran ABMS dan Kod Etika
- MS 22 - Ceramah Menuju Destinasi Persaraan dan Sesi Semakan
Central Credit Reference Information System (CCRIS)
bersama Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK)
- Taklimat Bicara Integriti - Rasuah Dalam Kerjaya Bersama
SPRM
- MS 23 - Ceramah Tumbuk Rusuk "Break the Silent"
- Taklimat Salah laku di kalangan warga kerja MBPG
- MS 24 Iklan



MS
12

Lawatan Kerja EKSA Ke MAIM



MS
15

Majlis Penyampaian Sijil EKSA



MS
20

Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah



MS
22

Taklimat Bicara Integriti Rasuah Dalam Kerjaya

Sidang Redaksi Buletin EKSA

Penaung

Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman
Datuk Bandar/Penasihat EKSA

Penasihat

Encik Mohd Hafiz bin Aliman
Setiausaha/Pengerusi EKSA

Editor

Puan Siti Famziah binti Azman
Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam/Penyelaras EKSA

Pengarang

Puan LAr. Zanariah binti Kadir
Ketua Bahagian Landskap Fasilitator EKSA

Penerbit

Bahagian Korporat & Perhubungan Awam
Majlis Bandaraya Pasir Gudang

Jurufoto

Encik Khairul Anuar bin Muhamad Sayut
Encik Muhammad Amirul Hidayat bin Mohd Fazil

Konsept & Reka Grafik

Printpod (JB) Sdn. Bhd.



Pengenalan EKSA

MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG



Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) merupakan satu inisiatif penambahbaikan Amalan 5S Sektor Awam oleh pihak MAMPU sejak tahun 2014. EKSA bertujuan untuk menyediakan persekitaran tempat kerja yang berkualiti dan kondusif supaya relevan dan meningkatkan produktiviti sebuah organisasi kerajaan. 5 elemen sebagaimana berikut :

- Mewujudkan Persekitaran Yang Kondusif
- Memenuhi Keperluan Keperbagaian Agensi
- Kreativiti dan Inovatif
- Imej Korporat
- Pembudayaan Amalan Hijau / Go Green

Di peringkat MBPG, EKSA telah diperkenalkan pada 8 Mei 2017. MBPG juga telah memperoleh pensijilan EKSA pada tahun 2018 dan telah tamat pada 15 Mei 2020. Berikutan pandemik COVID-19 yang melanda seluruh dunia termasuk Malaysia, pensijilan EKSA MBPG tidak dapat diperbaharui pada tahun tersebut. Namun demikian, aktiviti EKSA MBPG tetap diteruskan dan laporan penuh aktiviti EKSA telah dihantar ke pihak MAMPU pada Disember 2020. Namun, sekali lagi MBPG menghadapi kekangan bagi permohonan pensijilan semula berikutan beberapa halangan antaranya :

- Kerja-kerja Menaiktaraf Bangunan Menara Aqabah (Jan - Mei 2021)
- Perintah Kawalan Pergerakan (PKP 3.0) (Jun - Sept 2021)
- Persediaan Majlis Pengisytiharan MBPG (Okt - Dis 2021)

Aktiviti EKSA MBPG telah dimurnikan kembali bermula tahun 2022, dan kini MBPG telah melaksanakan Pengauditan EKSA Kendiri dari pihak Pejabat Setiausaha Kerajaan Johor (SUK) Unit Korporat dan Kualiti pada 26 dan 27 Julai 2023. MBPG telah berjaya memperoleh Pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam dari pihak MAMPU pada 1 Oktober 2023.



- BERMULA 2011
- BUNGA SEBAGAI NAMA ZON
- LOKASI ZON DALAM MENARA AQABAH SAHAJA
- PURATA 95% MARKAH AUDIT
- SIJIL LUPUT 10/1/2017



- 2016 HALATUJU KE ARAH EKSA
- 2017 GERAK KERJA URUSETIA UNIT KUALITI
- PENJIMATAN KOS
- UNSUR LOGAM SEBAGAI NAMA ZON, SINONIM DENGAN PASIR GUDANG BANDAR INDUSTRI & PELABUHAN
- LOKASI ZON DI MENARA AQABAH DAN BANGUNAN LUAR MILIK MPPG
- 30 MEI 2018 PEROLEH SIJIL EKSA DARI MAMPU



MAJLIS PERBANDARAN PASIR GUDANG MERUPAKAN PBT PERTAMA DI JOHOR YANG MENDAPAT SIJIL EKSA BAGI KATEGORI PIHAK BERKUASA TEMPATAN.

MPPG MEMPEROLEH 19 SIJIL CEMERLANG EKSA YANG DINILAI.



MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG MASIH MERUPAKAN PBT PERTAMA DI NEGERI JOHOR YG TELAH MEMPEROLEH SIJIL EKSA SELEPAS PERSIJILAN SEMULANYA PADA 2023 DAN MEMPEROLEH 4 SIJIL CEMERLANG DAN 1 SIJIL BAIK.

PENSIJILAN EKSA OLEH PIHAK MAMPU TELAH DIPEROLEH PADA 1 OKTOBER 2023.



Keterangan Logo

WARNA HIJAU

Melambangkan penerapan dalam semua aspek budaya amalan hijau.

WARNA KUNING

Melambangkan kepercayaan seluruh warga kerja MBPG komited dalam melaksanakan EKSA.

WARNA BIRU

Intepretasi amalan pengurusan profesional, sistematik dan budaya saing serta imej korporat EKSA MBPG.

Simbol Konsep Dinamik

Membawa maksud energetik dan berdaya membawa pembaharuan serta kemajuan

Huruf E berkonsepkan Flora

E bermaksud ekosistem dalam perkataan EKSA dan simbol konsep flora atau daun memfokuskan kepada alam semulajadi dan kitar semula selaras dengan misi dan visi menjadikan Pasir Gudang sebuah bandar hijau dan rendah karbon



Huruf S dan Corak Batu-bata

S bermaksud sektor dalam perkataan EKSA manakala corak batu-bata menggambarkan sesuatu yang kukuh yang dizahirkan melalui pengukuhan pelaksanaan EKSA dalam organisasi MBPG.

Huruf K dan Simbol Teknologi

K bermaksud kondusif dalam perkataan EKSA dan simbol teknologi menggambarkan amalan kerja berteknologi, sentiasa maju ke hadapan serta berfikiran kreatif dan inovatif oleh warga kerja MBPG.

Huruf A dan Imej Kapal

A bermaksud amalan kondusif manakala imej kapal menggambarkan Pasir Gudang sebagai bandar industri dan pelabuhan yang kekal mengamalkan konsep amalan kerja kondusif.

Dasar DAN OBJEKTIF EKSA

DASAR EKSA

“ Kami komited melaksanakan Ekosistem Kondusif melalui nilai-nilai bersama ke arah PBT UNGGUL dan menjadikan Pasir Gudang Bandaraya Sejahtera Tersohor. ”

OBJEKTIF EKSA

01

Mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, sistematik dan selamat secara praktikal.

02

Memperkasa disiplin diri dan semangat kerja berpasukan di kalangan warga kerja.


03

Memberi ciri-ciri nilai tambah kepada imej korporat MBPG secara menyeluruh.


04

Memperkukuh sistem pengurusan kualiti MBPG, berasaskan MS ISO 9001:2015 dan MS ISO 14001:2015

Carta Organisasi INDUK EKSA



Carta Organisasi ZON EKSA



Senarai ZON EKSA MENGIKUT JABATAN/LOKASI ZON

Berikut merupakan senarai nama-nama zon EKSA MBPG

ZON DALAM MENARA

ARAS	JABATAN/KAWASAN	ZON
Aras 20	Dewan Cempaka dan Bilik Mesyuarat Mawar	Zon Kadmium
Aras 19	Pejabat Datuk Bandar	Zon Krypton
Aras 18	Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam	Zon Kurpum
Aras 18	Bahagian Audit dan Integriti	Zon Argentinum
Aras 17	Jabatan Kewangan	Zon Aurum
Aras 16	Jabatan Khidmat Pengurusan	Zon Kadmium
Aras 15	Jabatan Kesihatan Awam, Persekitaran dan Pelesenan	Zon Titanium
Aras 14	Bahagian Teknologi dan Maklumat	Zon Zink
Aras 14	Jabatan Kesejahteraan Komuniti dan Pelancongan	Zon Platinum
Aras 13	Unit Pengurusan Kontrak	Zon Suasa
Aras 12	Jabatan Penguatkuasaan dan Bahagian Undang-undang	Zon Zirkonium
Aras 11	Stor Alat tulis MBPG	Zon Kadmium
Aras 10	Jabatan Kejuruteraan	Zon Gangsa
Aras 9	Bahagian Landskap	Zon Niobium
Aras 8	Jabatan Perancang Bandar	Zon Osmium
Aras 7	Jabatan Bangunan	Zon Galium
Aras 6	Unit Pesuruhjaya Bangunan	Zon Rutenium
Aras 5	Radio Konti MBPG	
Aras 4	Dynamic Lounge	Zon Kadmium
Aras 3	Ball Room Cempaka Jingga dan Auditorium Dahlia	Zon Kadmium
Aras 2	Bahagian Pelesenan	Zon Radium
Aras 2	Jabatan Pengurusan Harta dan Komersial	Zon Helium
Aras 1	Kaunter Bayaran, Bilik Pusat Khidmat Pelanggan	Zon Aurum
Aras 1	Bilik Gerakan CCTV MBPG	Zon Zirkonium
Aras 1	Galeri MBPG	Zon Kuprum

ZON LUAR MENARA

BIL ZON	JABATAN/KAWASAN
1. Kromium	Perpustakaan
2. Paladium	Seramik
3. Talium	Muzium
4. Ferum	18 Buah Dewan
5. Skandium	Stadium
6. Nikel	Tapak Semaian MBPG
7. Plutonium	Sarang Buaya



ZON FERUM 18 BUAH DEWAN

BIL	ZON	KELUASAN
1.	Dewan Taman Mawar	-700 meter
2.	Dewan Serbaguna Taman Cendana	-3.8KM
3.	Dewan Serbaguna Taman Kota Masai	-8.2KM
4.	Dewan Serbaguna KampungkopokBaru	-7.8KM
5.	Dewan Serbaguna Taman Pasir Putih	-6.5KM
6.	Dewan Serbaguna Taman Nusa Damai	-6.4KM
7.	Dewan Serbaguna Taman Scientex	-6.0KM
8.	Dewan Serbaguna Taman Rinting	-8.3KM
9.	Dewan Serbaguna Taman Mawar	-1.2KM
10.	Dewan Raya Masai	-5.8KM
11.	Dewan Raya Jalan SuriaBandar Seri Alam	-10.1KM
12.	Dewan Raya Jalan GunungBandar Seri Alam	-8.5KM
13.	Dewan Muafakat Taman Bukit Dahlia	-3.9KM
14.	Dewan Muafakat Taman Cahaya Masai	-7.9 KM
15.	Dewan Muafakat Taman BistariPerdana	-9.9 KM
16.	Dewan Muafakat Kg. Pasir Putih	-7.3KM
17.	Dewan Muafakat Jalan CikuKota Masai	-6.1 KM
18.	Dewan Muafakat Taman Sierra Perdana	-5.0 KM



Zon Skandium
1.8KM (4 minit)



Zon Talium
1.9KM (7 minit)



Zon Plutonium
- 17KM (25 minit)



Zon Ferum
Purata 6KM bagi 18 Dewan



Zon Kromium
-300M (2 minit)



Pelancaran LOGO EKSA



Majlis Pelancaran Logo Baharu EKSA MBPG telah disempurnakan oleh Setiausaha MBPG, Encik Mohd Hafiz bin Aliman pada 7 Julai 2022 bertempat di Taman Rekreasi Bukit Dahlia. Logo baharu yang diperkenalkan adalah bagi menggantikan logo sebelum ini yang menggunakan tema bunga. Selain itu, logo baharu yang dipilih dan digunakan adalah berdasarkan tema atau ikonik MBPG yang lebih dikenali dengan Bandar Industri dan Pelabuhan dengan menggunakan konsep atau tema industri. Penyerahan T-Shirt EKSA juga telah disempurnakan oleh Timbalan Setiausaha MBPG, Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab kepada Tuan Setiausaha MBPG. *Bunting* EKSA telah diedarkan kepada setiap zon EKSA bagi tujuan promosi dan kempen kesedaran melaksanakan aktiviti EKSA di zon masing-masing.

Semoga dengan penjenamaan semula ini dapat menyuntik dan semangat kepada seluruh warga kerja dalam melaksanakan aktiviti EKSA untuk mencapai pensijilan semula EKSA MBPG kelak.



Taklimat Kesedaran EKSA



Dalam usaha memperoleh semula atau permohonan pensijilan semula EKSA, MBPG telah memulakan semula aktiviti Taklimat Kesedaran EKSA MBPG yang diadakan bertempat di Auditorium Dahlia, Aras 3 Menara Aqabah. Seramai 40 orang peserta telah mengikuti taklimat ini secara bersemuka yang terdiri daripada pihak urusetia, jawatankuasa EKSA MBPG, Ketua-ketua Zon EKSA dan Juruaudit-juruaudit EKSA. Manakala hampir 70 orang warga kerja MBPG telah mengikuti taklimat secara maya (virtual) melalui zoomlink yang diberikan.

Taklimat telah disampaikan oleh Champion EKSA dari MAMPU, Tuan Haji Hashim bin Borham, Ketua Penolong Pengarah dari Bahagian Integriti Ibu Pejabat Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Putrajaya. Antara pengisian taklimat adalah seperti ; Objektif EKSA, yang melibatkan 5 elemen EKSA iaitu; Imej korporat, Persekitaran kerja yang kondusif, Kepelbagai agensi, Kreativiti dan inovatif serta Amalan Hijau (*go green.*)

Penglibatan EKSA melibatkan 6 komponen yang akan dinilai berdasarkan kriteria berikut :


- | | |
|------------|--------------------------------|
| Komponen A | : Keperluan Utama Pelaksanaan |
| Komponen B | : Ruang Tempat Kerja / Pejabat |
| Komponen C | : Tempat Umum |
| Komponen D | : Keselamatan Persekitaran |
| Komponen E | : Kawasan Persekitaran Pejabat |
| Komponen F | : Tempat Khusus |

Penglibatan EKSA dalam sesebuah organisasi berupaya mengenalpasti pembaziran dalam sesebuah jabatan dan mempunyai pelbagai faedah dan manfaat setelah berjaya dilaksanakan. Selepas daripada penyampaian taklimat, sesi soal jawab turut diadakan. Pihak urusetia juga menyediakan 15 soalan kuiz kepada peserta. Sesi penyampaian fail Zon EKSA turut diadakan dengan penyerahan fail Zon kepada 28 Zon EKSA MBPG yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Yusof bin Abd Wahab, Timbalan Setiausaha MBPG.





Kempen PENJIMATAN TENAGA



Penggunaan label penjimatan tenaga

Kempen ini telah dimulakan sejak awal pembabitan EKSA di MBPG. Pelekat atau poster bersaiz kecil mengenai kesedaran penjimatan tenaga telah digunapakai di setiap sudut dan bahagian penggunaan elektrik dan air. Contoh langkah penjimatan yang dilaksanakan ialah seperti, menutup plug dan mencabut soket elektrik yang tidak digunakan, menyelaras suhu penghawa dingin kepada suhu 24 darjah celsius, menutup pili atau paip air dengan ketat dan rapat selepas menggunakannya, serta menutup suis lampu dan penghawa dingin selepas tamat waktu bekerja atau jika tidak digunakan.

Kempen ini bukan sahaja dihebahkan kepada warga kerja, malahan kepada orang awam yang menggunakan perkhidmatan MBPG, seperti Penggunaan Dewan-Dewan Luar, Perpustakaan, Stor, Muzium dan Tandas Awam. Ia juga digunapakai di semua premis dan bangunan MBPG selain bangunan utama Menara Aqabah.

Aktiviti PENYERAGAMAN EKSA SEMUA ZON

Aktiviti ini telah dilaksanakan bermula Januari 2023 sehingga April 2023. Pelbagai aspek EKSA telah diberi penekanan dan dibuat penyeragaman, antaranya penggunaan material sudut EKSA Penggunaan label, Penyeragaman info-info EKSA dan sebagainya.

Penyeragaman ini telah memberikan konsep Seragam yang kemas dan tersusun serta memberikan imej korporat yang baik kepada MBPG. Selain itu, sudut induk EKSA MBPG juga telah dikemas kini dan disediakan di ruang lobi Aras 1 Menara Aqabah, sebagai paparan umum kepada orang awam dan pelawat.





Lawatan **EKSA MBPG KE MAJLIS AGAMA ISLAM MELAKA (MAIM)**

MBPG telah mengadakan lawatan EKSA ke Majlis Agama Islam Melaka pada 6 Julai 2022, bertempat di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM). Peserta lawatan tiba jam 10.30 di Bangunan Pusat Islam Melaka yang menempatkan Jabatan Agama Islam Melaka, Majlis Agama Islam Melaka dan Jabatan Mufti Melaka. Ketibaan delegasi MBPG disambut oleh Tuan Haji Muhammad Ikram bin Ibrahim Setiausaha MAIM bersama Jawatankuasa EKSA MAIM.

Turut hadir dalam sesi lawatan ini ialah Puan LAR. Zanariah Kadir selaku fasilitator EKSA MBPG, Urusetia EKSA, Juruaudit EKSA serta Ketua-ketua Zon EKSA MBPG. Delegasi telah diberi penerangan mengenai aktiviti dan penglibatan EKSA MAIM sehingga memperoleh pensijilan EKSA. MAIM mempunyai 11 buah Zon EKSA dan dipersijilkan dibawah satu pensijilan EKSA. Delegasi MBPG telah dibawa melawat ke tiga buah zon EKSA iaitu Zon Pusat Islam, Zon Baitulmal dan Zon Al-Taqwa. Peserta lawatan mengambil peluang mencari idea, melihat kawasan pelaksanaan EKSA zon yang dilawati, melihat sudut *go green*, kawasan umum, bilik fail dan pelbagai lagi kawasan EKSA yang dilawati.

Program lawatan tamat pada jam 2.00 petang dan delegasi tiba di Pasir Gudang pada jam 7.00 malam.



Gotong-Royong Perdana EKSA

Gotong-royong Perdana EKSA telah diadakan sebanyak tiga kali iaitu sebagaimana berikut :


BIL	AKTIVITI	TARIKH
1.	Gotong Royong Perdana EKSA Siri 1 2022	20 Julai 2022
2.	Gotong Royong Perdana EKSA Siri 2 2022	24 November 2022
3.	Gotong Royong Perdana EKSA Siri 1 2023	9 Mei 2023

Objektif utama bagi pelaksanaan Program Gotong-Royong EKSA adalah mewujudkan persekitaran kerja yang bersih, sistematik dan selamat secara praktikal. Selain itu, program ini juga perlu melibatkan 5 elemen yang perlu dicapai oleh setiap wargakerja MBPG ini seperti mempunyai imej korporat, persekitaran kerja yang kondusif, kepelbagaian agensi, kreativiti dan inovatif dan amalan Hijau *go green*. Gotong-royong ini melibatkan semua Zon EKSA MPPG di dalam bangunan Menara Aqabah dan juga bangunan luar, seperti stadium, muzium, dewan-dewan MBPG, stor dan perpustakaan awam.


Antara aktiviti yang dijalankan dalam gotong-royong yang diadakan adalah aktiviti seperti mengemaskini stor, mengecat dinding, melaksanakan program 3R, mengubahsuai susun atur pejabat, mengemaskini sudut EKSA dan pelbagai lagi penambahbaikan yang dilaksanakan. Selain daripada hanya membuat program gotong-royong semata-mata, terdapat juga beberapa pertandingan yang telah dianjurkan semasa Program Gotong-Royong Perdana EKSA dijalankan seperti pertandingan sudut EKSA terbaik, tandas terbaik, kutipan 3R yang terbanyak dan zon yang mendapat 90% (cemerlang) dan ke atas.



ZON KRIPTON



ZON ARGENTUM



ZON KUPRUM



ZON AURUM




ZON KADMIUM



ZON TITANIUM



ZON PLATINUM



ZON ZINK



ZON SUASA



ZON ZIRKONIUM





ZON GANGSA



ZON NIOBIUM



ZON OSMIUM



ZON GALIUM



ZON RUTENIUM



ZON TEKNETIUM



ZON HAFNIUM



ZON RADIUM



ZON HELIUM



ZON STANIUM



ZON TALIUM



ZON SKANDIUM



ZON PALADIUM



ZON FERUM



ZON NIKEL



ZON KROMIUM



ZON VANADIUM



ZON PLUTONIUM



EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)



Laporan Penuh Pengauditan EKSA MBPG telah dihantar ke pejabat MAMPU pada 20 Ogos 2023. Dan akhirnya pada 1 Oktober 2023, Majlis Bandaraya Pasir Gudang telah menerima Pensijilan EKSA dari pihak MAMPU.

Penerimaan sijil telah diadakan di Pejabat SUK Johor (Unit Korporat dan Kualiti) pada 21 November 2023 dan di hadiri oleh Ahli-Ahli Jawatankuasa Induk EKSA MBPG. Sebanyak 5 Sijil telah diterima oleh pihak MBPG yang melibatkan 4 sijil Cemerlang (Menara Aqabah, Perpustakaan Awam Pasir Gudang, Muzium Layang-Layang dan pasir gudang Kraf) dan 1 sijil Baik (Dewan-Dewan MBPG). MBPG masih mengekalkan pencapaian menjadi PBT pertama negeri Johor yang memperoleh Pensijilan EKSA dari pihak MAMPU.

Majlis Penyampaian Pensijilan EKSA ini telah diadakan bertempat di Dewan Taman Mawar, bersempena Majlis PEDOMAN MBPG 2024 dan telah disampaikan oleh Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman, Datuk Bandar MBPG.

Syabas dan tahniah diucapkan atas pencapaian ini.





Majlis PENYAMPAIAN HADIAH



Majlis Penyampaian SIJIL SISTEM PENGURUSAN ANTI RASUAH (ABMS) MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Pelaksanaan ke arah Permohonan Pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah atau nama singkatannya ABMS telah bermula pada Februari 2023.

MBPG merupakan PBT Johor pertama yang memperolehi pensijilan Anti Rasuah bagi semua fungsi yang dilaksanakan di MBPG, tanpa pengecualian oleh mana-mana jabatan, bahagian, unit di dalam pelaksanaan ABMS. Sijil ini telah diterima dari SIRIM QAS International Sdn. Bhd. pada 15 November 2023. Seterusnya Majlis Penyampaian Sijil Pelan Anti Rasuah (ABMS) telah disempurnakan pada 25 November 2023 bersempena Majlis Perasmian Temasya Bandar Raya Pasir Gudang oleh Yang Berbahagia, Puan Nur Fadhilah Binti Mohamad, Ketua Pegawai Eksekutif SIRIM QAS International Sdn. Bhd kepada Yang Berhormat Datuk Bandar Pasir Gudang sambil disaksikan oleh Yang Berbahagia Dato' Haji Azmi Bin Hj Alias, Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Negeri Johor.

Tahniah dan syabas diucapkan kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang atas pencapaian ini.



Sijil Penghargaan tahniah dari Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)



Sijil Pengiktirafan Anti Bribery Management System (ABMS) dari Sirim QAS International Sdn. Bhd.

PENGENALAN

Sistem Pelan Antirasuah ANTI-BRIBERY MANAGEMENT SYSTEM (ABMS) DI MAJLIS BANDARAYA PASIR GUDANG

Sistem Pengurusan Antirasuah merupakan pensijilan yang telah diwajibkan semula ke atas semua agensi awam sewaktu Mesyuarat Jawatankuasa Antirasuah (JAR) Bil. 2 tahun 2022 yang diadakan pada 1 Ogos 2022. Manfaat utama pelaksanaan ini adalah untuk mengurangkan risiko amalan rasuah di peringkat dalaman dan luaran, memberikan impak positif terhadap prestasi organisasi termasuk penjimatan kos operasi, pengurusan aduan, perolehan dan tadbir urus.


Antara jabatan utama yang telah disenaraikan sebagai Jabatan/Bahagian/Unit yang berisiko dalam merangka pensijilan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) ini adalah Bahagian Audit Dalam dan Integriti, Jabatan Khidmat Pengurusan, Unit Pengurusan Kontrak, Jabatan Kewangan dan Jabatan Penguatkuasaan. Kursus ini melibatkan seramai 39 orang pegawai daripada pelbagai jabatan, bahagian, unit bagi membantu menyalurkan maklumat dan meningkatkan pengetahuan berkaitan Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS).

Objektif pelaksanaan sistem ini dapat membolehkan pegawai-pegawai yang terlibat merangka Sistem Pengurusan Antirasuah (ABMS) untuk diaplikasikan kepada Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) bagi mencegah, mengesan dan menangani kes rasuah didalam organisasi. Membolehkan permasalahan mengenai isu-isu dalaman MBPG berkaitan kelemahan integriti, tadbir urus dan antirasuah ditangani dengan libat urus daripada pelbagai jabatan yang telah dikenalpasti. Di MBPG, pelaksanaan kearah mencapai persijilan Sistem Pelan Antirasuah (ABMS) ISO 37001:2016 mula dilaksanakan pada Februari 2023 dan MBPG berjaya memperoleh sijil ini pada 15 November 2023 oleh SIRIM QAS International Sdn. Bhd. Pelaksanaan sistem ini melibatkan lima fasa di MBPG yang memerlukan kerjasama semua pihak dan warga kerja MBPG.



Pembangunan POLISI DAN GARIS PANDUAN



Senarai POLISI MBPG




1 POLISI ANTI RASUAH



2 POLISI PERLINDUNGAN



3 KOD ETIKA MBPG




4 POLISI KONFLIK KEPENTINGAN



5 POLISI TIDAK MENERIMA HADIAH



6 TATACARA TINDAKAN SURCAJ



7 POLISI PENGGUNAAN MEDIA SOSIAL



8 POLISI PENGURUSAN SIASATAN TATAKELAKUAN



9 PELAKSANAAN "INTEGRITY PACT"



10 GARIS PANDUAN BERDEPAN DENGAN OPERASI SERBUAN



11 POLISI PENGURUSAN SUMBANGAN/ DERMA DAN TAJAAN



Fasa Bimbingan PELAKSANAAN SISTEM ANTIRASUAH MBPG

Pengenalan Sistem Anti Rasuah di MBPG, bermula dengan Bengkel Latihan Pemahaman dan Bengkel Pengurusan Risiko Anti rasuah Latihan pemahaman dan pelaksanaan telah diadakan selama 2 hari bermula 19-20 Februari 2023 di Hotel Opero, Johor Bahru. Peserta kursus telah diberi pengenalan terlebih dahulu mengenai ISO 37001:2016 AMBS sebelum merangka Daftar Risiko Rasuah dan Peluang ABMS. Konsultan telah membantu dan membimbing pembangunan manual ABMS termasuk senarai konteks organisasi dan pihak berkepentingan, prosedur kerja yang melibatkan ABMS serta daftar risiko rasuah dan peluang. Hanya 4 elemen diambil kira dalam pembangunan sistem ABMS iaitu memberi dan menerima rasuah, salah guna kuasa dan pemalsuan dokumen. Kursus pengenalan ABMS ini diteruskan lagi pada 21 dan 22 Februari 2023 dengan Bengkel Pengurusan Risiko Antirasuah. Bengkel ini membantu semua ketua jabatan bahagian dan unit dalam merangka daftar risiko rasuah dan peluang jabatan masing-masing.

5 Fasa sesi bimbingan telah dilaksanakan

FASA 1

Tarikh : 7 dan 8 Mac 2023
15 dan 16 Mei 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Menyemak pembangunan prosedur Operasi ABMS termasuk kesemua borang yang diperlukan untuk pengambilan rekod

FASA 2

Tarikh : 20 dan 22 Jun 2023
11 dan 12 Julai 2023
21 dan 22 Ogos 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Konsultan telah menyemak Daftar Risiko Rasuah dan Peluang semua jabatan/bahagian/unit. mengemaskini Daftar Risiko Rasuah dan Peluang, memberi penerangan mengenai prosedur ISO 9001:2015 yang berkaitan dengan 4 elemen ABMS

Kursus Juraudit

Tarikh : 31 Julai dan 1 Ogos 2023
Tempat : Hotel Opero Johor Bahru
Aktiviti : Memberi bimbingan kepada juruaudit bagi pengauditan ABMS bagi Kursus juruaudit dalaman ISO 37001:2016 ABMS Semua peserta telah lulus di dalam peperiksaan tersebut dan telah dilantik sebagai juruaudit dalaman ISO 37001:2016 ABMS MBPG.

Audit ISO 37001:2016 ABMS Peringkat 1

Tarikh : 28 – 29 Ogos 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Dikendalikan oleh 2 juruaudit SIRIM iaitu Encik Mohd Shahril Bin Mohd Arshad dan Puan S. Normalis Binti Abd Samad Audit dalaman ABMS belum dilaksanakan dan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) masih belum dilaksanakan telah diberikan oleh juruaudit SIRIM untuk diambil perhatian dan dibuat penambahbaikan.

FASA 3

Tarikh : 30 Ogos 2023
19 hingga 21 September 2023
3 hingga 9 Oktober 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Konsultan telah membantu jabatan/bahagian/unit yang mendapat teguran daripada juruaudit SIRIM untuk membuat penambahbaikan. Jabatan/bahagian/unit juga diberi peluang untuk mendapatkan khidmat nasihat daripada konsultan untuk membuat penambahbaikan berkenaan Daftar Risiko Rasuah dan Peluang di jabatan masing-masing

AUDIT DALAMAN ISO 37001:2016 ABMS MBPG

Tarikh : 4 hingga September 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Seramai 20 orang juruaudit dalaman MBPG terlibat untuk sesi audit 2023 melibatkan 17 jabatan/bahagian/unit di MBPG. Mesyuarat pembukaan audit telah diadakan pada 4 September 2023 Mesyuarat Penutup telah diadakan pada 13 September 2023 Sebanyak 6 ketidakakuran (NCR) dan 16 peluang penambahbaikan (OFI) telah ditemui di dalam sesi pengauditan ini.

FASA 4

Tarikh : 10 hingga 12 Oktober 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Melaksanakan pre-audit dalam menentukan tahap persediaan sistem ABMS sebelum audit peringkat 2 dilaksanakan oleh SIRIM QAS International Sdn Bhd.

Audit ISO 37001:2016 ABMS Peringkat 2

Tarikh : 16 hingga 19 Oktober 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Semakan terhadap Daftar Risiko Rasuah dan Peluang, kawalan semasa/kawalan tambahan berkaitan proses kerja yang meliputi 4 elemen utama ABMS.

6 penemuan audit bagi peluang penambahbaikan telah dikeluarkan berkaitan proses perolehan tender dan sebutharga, proses penambilan kakitangan baharu, semakan fi permohonan merancang, risiko rasuah di tempat kerja, tiada pintu pagar di stor barang sitaan dan langkah kawalan bukan kewangan telah diberikan oleh juruaudit SIRIM untuk diambil perhatian dan dibuat penambahbaikan.

FASA 5

Tarikh : 29 Ogos, 16, 19 dan 24 Oktober 2023
Tempat : Bilik Anggerik, Aras 4 MBPG
Aktiviti : Konsultan telah membantu sepanjang proses pengauditan peringkat 1 dan 2 bersama pihak SIRIM QAS International Sdn Bhd. Membantu pihak urus setia merangka tindakan penambahbaikan ke atas penemuan oleh pihak juruaudit SIRIM.



Majlis Menandatangani **IKRAR BEBAS RASUAH (IBR)**

Majlis Menandatangani Ikrar Bebas Rasuah (IBR) merupakan aktiviti atau program melibatkan pelaksanaan ke arah Pensijilan ABMS. Diadakan pada 1 Januari 2023 bertempat di Dewan Serbaguna Taman Mawar, Pasir Gudang dan dihadiri oleh semua warga kerja MBPG.

Encik Kassim bin Mohamed Yusof, selaku Ketua Jabatan Perancang Bandar dan OSC, telah mengetuai acara Lafaz Ikrar Bebas Rasuah (IBR) dengan diikuti oleh semua warga kerja MBPG. Upacara menandatangani IBR dilakukan di hadapan Datuk Bandar Pasir Gudang dengan disaksikan oleh Setiausaha dan Timbalan Setiausaha MBPG.



Ceramah Setapak

PENENTU KEHIDUPAN “BAHANA DADAH: BARAH DALAM ORGANISASI DAN PAMERAN ANTIDADAH” BERSAMA AGENSI ANTIDADAH KEBANGSAAN NEGERI JOHOR



Taklimat ini telah disampaikan oleh Encik Muhamad Zulhilmi bin Ahmat yang merupakan penceramah daripada Unit Pencegahan AADK Cawangan Johor dengan tajuk ceramah Tempat Kerja Bebas Dadah (TEKAD). Selain taklimat perkongsian, AADK turut mengadakan pameran anti dadah antaranya jenis-jenis dadah, peralatan-peralatan yang digunakan dan pelbagai lagi info dan perkara berkaitan penyalahgunaan dadah turut dipamerkan di Dewan Taman Mawar. Antara aspek-aspek yang melibatkan penyalahgunaan dan bahana dadah ialah :

- Pencegahan Dadah
- Penyalahgunaan / penagihan dadah
- Objektif program tempat kerja bebas dadah
- Statistik salah guna dadah
- Faedah yang diperolehi daripada program tempat kerja bebas dadah
- Faktor-faktor penagihan dadah di tempat kerja

Majlis Pelancaran ABMS DAN KOD ETIKA



Majlis Pelancaran Anti Bribery Management System (ABMS) MS ISO 37001:2016 telah disempurnakan oleh Datuk Bandar Pasir Gudang iaitu Yang Berhormat Dato' Asman Shah bin Abd Rahman pada 3 September 2023 bertempat di Laman Extreme Pasir Gudang. Turut serta adalah Timbalan Setiausaha En Abdul Malek bin Mohamed dan ketua-ketua jabatan, bahagian dan unit sambil disaksikan oleh warga MBPG. Majlis perasmian ABMS ini adalah sebagai tanda komitmen warga kerja dalam mengamalkan toleransi sifar terhadap rasuah dan korupsi (zero tolerance towards corruptions). Majlis ini telah diadakan semasa perhimpunan pagi bulanan warga kerja MBPG dan antara pengisian program adalah pelancaran Buku Kod Etika dan Tatakelakuan MBPG dalam membantu warga MBPG menjadi panduan dalam melaksanakan tanggungjawab selaras dengan peraturan dan undang-undang yang perlu dipatuhi. Penyampaian Kod Etika kepada semua ketua jabatan, bahagian dan unit ini adalah sebagai simbolik kepada penyebaran kod etika ini kepada semua warga kerja MBPG untuk dibaca dan difahami serta dihayati.

Ceramah

“MENUJU DESTINASI PERSARAAN” DAN SESI SEMAKAN CENTRAL CREDIT REFERENCE INFORMATION SYSTEM (CCRIS) BERSAMA AGENSI KAUNSELING DAN PENGURUSAN KREDIT (AKPK)



Program AKPK kali ini merupakan inisiatif khas perancangan persaraan kepada warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG) untuk melengkapkan diri dengan merancang kewangan yang dapat menjamin kehidupan yang memuaskan serta bebas daripada bebanan hutang setelah bersara. Taklimat telah disampaikan oleh Encik Mohammad Farid bin Fadzil yang merupakan Penasihat Kewangan daripada AKPK Cawangan Johor Bahru. Taklimat telah diadakan selama 2 jam bermula pada jam 9.00 pagi sehingga jam 11.00 pagi di Ballroom Cempaka Jingga Aras 3, MBPG.

Taklimat melibatkan seramai 156 orang pegawai MBPG yang terdiri daripada pegawai yang bakal menamatkan perkhidmatan atau bersara dalam tempoh kurang daripada 20 tahun akan datang yang terdiri daripada pelbagai gred dan jawatan.

Bagi semakan CCRIS pula jumlah warga kerja yang telah membuat semakan CCRIS adalah seramai 629 dan yang masih belum membuat semakan CCRIS adalah seramai 89 orang.

Taklimat Bicara Integriti

RASUAH DALAM KERJAYA BERSAMA SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA (SPRM)

Taklimat Bicara Integriti : Rasuah Dalam Kerjaya bersama penceramah daripada Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM) Johor telah diadakan di Dewan Taman Mawar Pasir Gudang, Johor pada 5 Julai 2023. Seramai 500 orang warga kerja telah menghadiri sesi taklimat yang disampaikan oleh Puan Salmiha Binti Saidin, Penguasa Unit Pendidikan Masyarakat SPRM Johor. Antara isi kandungan yang dikongsikan sepanjang sesi taklimat adalah seperti berikut :

- Bidang kuasa SPRM
- Definisi Rasuah
- Nama-nama lain yang boleh dikenali sebagai rasuah
- Bentuk-bentuk yang boleh dikategorikan sebagai rasuah
- Kategori rasuah
- Keadaan yang menyebabkan hadiah menjadi rasuah
- Hadiah - hadiah yang dibenarkan
- Kesalahan menerima hadiah oleh pegawai awam
- Hukuman jika bersalah rasuah
- Definisi integriti
- Kepentingan integriti
- Faktor yang menjejaskan integriti
- Isu-isu integriti



TUMBUK RUSUK: "BREAK-THE-SILENT"



Ceramah telah disampaikan oleh Encik Mohd Firdaus bin Ramlan iaitu penceramah daripada CJ Global Venture. Beliau merupakan pengurus CJ Global Venture dan mempunyai pengalaman selama empat (4) tahun sebagai majistret di negeri Kelantan. Beliau didapati bersalah kerana menerima suapan dan telah menerima hukuman penjara selama tiga (3) tahun. Beliau menyampaikan perkongsian terlibat secara langsung di dalam kesalahan rasuah dan ceramah ini telah dihadiri seramai 146 orang warga kerja Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG).

Ringkasan ceramah tumbuk rusuk adalah seperti berikut :

- Terdapat beberapa bahasa kiasan selain Tumbuk Rusuk yang sering digunakan iaitu; Duit Kopi, Bunga Emas, *Speed Money*, *Kawtim*, Pelincir, *Under Counter money*, Rasuah atau Makan Suap.
- Tumbuk rusuk secara umumnya boleh diklasifikasikan kepada 6 pecahan
- Penjawat awam dilarang menerima sebarang hadiah atau barang berharga daripada pihak yang mempunyai hubungan rasmi dengannya mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bil 3/1998 – Garis panduan pemberian dan penerimaan hadiah di dalam perkhidmatan awam. Hadiah boleh menjadi rasuah sekiranya :
 1. Pemberi dan penerima mempunyai hubungan rasmi
 2. Pemberian hadiah mempengaruhi keputusan yang akan dibuat oleh si penerima
 3. Nilai hadiah tidak setimpal dengan maksud hadiah diberi.
 4. Hadiah diberi dengan adanya balasan tertentu.
 5. Ada 'niat jahat' di sebalik pemberian.

Taklimat SALAH LAKU DIKALANGAN WARGA KERJA MBPG



Taklimat telah diadakan pada 14 Februari 2023 bertempat di Auditorium Dahlia Aras 3, Menara Aqabah, MBPG. Taklimat telah dihadiri oleh warga kerja lantikan baru seramai 50 orang dan telah disampaikan oleh Encik Abd. Rahman bin Esa, Pegawai Sumber Manusia, Jabatan Khidmat Pengurusan MBPG Antara pengisian taklimat adalah mengenai senarai salah laku yang sering dilakukan oleh warga kerja yang dianggap sebagai sesuatu yang biasa atau bukan menjadi kesalahan. Selain itu teguran juga diberikan kepada peserta mengenai disiplin dan komitmen terhadap tugas bekerja

Puan Farah Wahidah binti Nasaruddin, Ketua Bahagian Audit Dalam dan Integriti juga telah dijemput bagi memberikan taklimat berkaitan integriti mengenai perkara - perkara yang dilarang untuk dilakukan, berkenaan ketidakhadiran dan polisi-polisi yang telah dibangunkan oleh MBPG.

Program berakhir dengan pemeriksaan ujian air kencing oleh peserta bersama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK).

LAPORKAN **SALAH LAKU** WARGA KERJA MBPG


Jenis-jenis Kesalahan Yang Boleh Dilaporkan:



RASUAH



TUNTUTAN
PALSU



SALAH
GUNA KUASA



KESALAHAN
TATATERTIB

SALURKAN ADUAN ANDA MELALUI:

IMBAS KOD QR



Walk-in

Bahagian Audit Dalam
& Integriti
Aras 18, Menara Aqabah,
Jalan Bandar.

Email

aduanintegriti.mbpbg@gmail.com

Surat/Dokumen

yang lengkap melalui
penghantaran secara pos

“Atau hubungi Pegawai Integriti”

07-2547803

“Betulkan Yang Biasa, Biasakan Yang Betul”



Diterbitkan oleh:
Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam,
Majlis Bandaraya Pasir Gudang
Aras 19, Menara Aqabah, Jalan Bandar,
81700 Pasir Gudang, Johor Darul Takzim, Malaysia
www.mbpbg@gov.my

IMBAS SAYA



BULETIN EKSA
MBPG